

**DASAR BEKERJA DARI PEJABAT (BDP)
FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN KEJURUTERAAN TENAGA(FKT)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Dasar ini bertujuan untuk menyelaraskan dan melaksanakan keputusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkaitan urusan Bekerja Dari Pejabat (BDP). Ketetapan ini terpakai bagi staf yang memohon atau dikehendaki hadir bertugas di lokasi yang ditentukan, tertakluk kepada pengesahan Dekan FKT serta kelulusan akhir oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pendaftar UTM.

2.0 PERATURAN

- 2.1 Pegawai yang diarah atau diluluskan untuk BDP hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut:
- (a) Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja sebelum tarikh BDP yang dicadangkan. Pelaksanaan BDP hanya dibenarkan pada hari Selasa sahaja;
 - (b) Permohonan secara berkelompok dibenarkan bagi tempoh maksimum tiga (3) kali sesi BDP untuk setiap satu permohonan;
 - (c) Permohonan wajib menamakan staf teknikal yang bertugas (dengan mengisi borang berkaitan) sama ada bagi tujuan pengurusan khidmat makmal, katerer, atau kontraktor.
 - (d) Permohonan BDP pada hari Khamis adalah tidak dibenarkan.
 - (e) Permohonan BDP melibatkan penggunaan makmal hendaklah disertakan dengan justifikasi lengkap kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi, dan Pembangunan) dan Pengurus Makmal FKT.
 - (f) Penyelarasan dan pengawasan staf adalah mengikut kategori berikut:
 - i. Staf Akademik/Pelajar - Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) FKT
 - ii. Urusan Penyelidikan/Makmal - Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan) dan Pengurus Makmal FKT
 - iii Staf Pelaksana (PPP) - Timbalan Pendaftar FKT
- 2.2 Semua staf FKT tertakluk kepada pematuhan undang-undang, pekeliling universiti, dan arahan semasa yang berkuat kuasa bagi pegawai awam, termasuk:
- (a) Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*];
 - (b) Arahan Keselamatan;
 - (c) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993[*P.U (A) 395/1993*].

3.0 TARIKH BERKUAT KUASA

3.1 Ceraian ini berkuat kuasa bermula 15 April 2026.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DR. MAT UZIR BIN WAHIT)

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga

UTM Johor Bahru

☎ : 07-5334732

✉ : r-uzir@utm.my